

## MAT REMPIT DAN PENGAMBILAN BAHAN TERLARANG DI PULAU PINANG

ZALMIZY HUSSIN & P. SUNDARAMOORTHY

### ABSTRAK

*Di Malaysia, aktiviti lumba motosikal haram telah menarik sekumpulan golongan belia yang sering dilabel sebagai Mat Rempit. Hakikatnya, fenomena lumba motosikal haram ini telah menjadi polemik hangat yang sering dibincangkan oleh masyarakat. Ini kerana penglibatan belia terhadap aktiviti lumba haram ini adalah pada tahap yang membimbangkan. Kajian ini bertujuan menghuraikan interpretasi faktor risiko pengambilan bahan terlarang daripada perspektif tulen dalam realiti sosial Mat Rempit di Pulau Pinang, Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif telah dijalankan terhadap sekumpulan Mat Rempit di Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan strategi abduktif dan metod fenomenologi. Sampel kajian dipilih melalui kaedah snow ball dan persampelan bertujuan. Data telah dikutip melalui temubual secara mendalam. Analisis data menggunakan perisian Nvivo yang bertujuan membina kategori serta tema dan kemudiannya disusuli dengan temubual yang seterusnya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam realiti sosial Mat Rempit mengambil bahan terlarang semasa menyertai aktiviti lumba haram untuk tujuan keseronokan.*

**Kata Kunci:** Interpretasi, Faktor Risiko, Pengambilan Bahan Terlarang, Mat Rempit

### ABSTRACT

*In Malaysia, illegal motorcycle racing activities has been favoured by a group of youth groups labeled as ‘Mat Rempit’. In fact, the phenomenon of illegal motorcycle racing has been a hot debate that is often spoken of in the community and discussed. This study aimed is intended to describe the interpretation of risk factors banned substances from the pure perspective of social reality of Mat Rempit in Penang, Malaysia. This study used a qualitative research design, and was carried out on a group of Mat Rempit in Penang. This study uses abductive strategy and method of phenomenology. The sample was selected through snowball and purposive sampling. Sunsequently after data was generated from the interviews conducted, , dData analysis using NVivo software that aims to build the category and theme, and was soon followed by a subsequent interview was administered. The discovery of the research findings suggested that has shown that the social reality of Mat Rempit is a serious issue that needs to be tackled particularly when a banned substance was found is to be used while participating in illegal racing and just for fun and pleasure.*

**Keywords:** Interpretation, Risk Factors, Taking Banned Substances, Mat Rempit

## PENGENALAN

Terminologi lumba haram telah ditakrifkan sebagai satu bentuk lumba motosikal tidak dibenarkan dan menyalahi undang-undang yang berlaku di jalan awam (Wong, 2012). Lumba haram dilakukan di jalan raya, mengubah suai motosikal yang tidak mengikuti piawai, peralatan keselamatan terhad dan ada kalanya juga menunggang di bawah pengaruh alkohol dan dadah (Amit, Ismail, Ibrahim, Said, & Ghazali, 2016). Manakala, terminologi konvoi jalanan pula boleh difahami sebagai individu atau sekumpulan geng jalanan membonceng motosikal melakukan aktiviti berkonvoi di jalan awam.

Makalah ini bertujuan menghuraikan faktor risiko tingkah laku agresif dalam pengambilan bahan terlarang yang telah diinterpretasikan oleh Mat Rempit di Pulau Pinang. Beberapa definisi terminologi diberikan bagi menunjukkan trend terkini gejala lumba haram yang berlaku di Malaysia. Definisi terminologi pelumba motosikal haram dalam kajian ini merujuk kepada “individu yang menunggang motosikal secara berisiko membahayakan diri sendiri, pengguna jalan raya, dan sengaja melanggar hak-hak jalan raya bagi mencari titik kepuasan dari penglibatannya”. Manakala, definisi Mat Rempit pula adalah merujuk kepada Justeru, memiliki motosikal dan gemar mengubah suai kenderaan motosikal tidak bererti seseorang itu adalah seorang pelumba motosikal haram atau samseng jalanan. Namun, disebabkan oleh tanggapan umum masyarakat yang sering dicap dengan imej sedemikian, hampir kesemua memberi label yang sama kepada penunggang motosikal. Hakikatnya, hanya sebilangan kecil penunggang motosikal adalah golongan Mat Rempit atau lebih dikenali sebagai “street racing boy”. Kebiasaannya, gelaran Mat Rempit digambarkan sebagai individu yang ‘keras kepala’ terhadap undang-undang. Dalam kajian ini, istilah Mat Rempit didefinisikan sebagai “individu atau sekumpulan yang menyertai lumba haram dengan menunggang motosikal secara berisiko dan dikaitkan dengan jenayah kekerasan”. Sebagai contohnya, aktiviti-aktiviti tersebut berkaitan dengan mencuri motosikal dan kereta untuk alat ganti, vandalisme, penyalahgunaan dadah, pecah rumah, ragut dan rogol (Ismail et al., 2015: 170).

Kajian melibatkan Mat Rempit dan gejala pengambilan bahan terlarang sangat kurang dilakukan di Malaysia. Justeru, penyelidik hanya menemui hanya dua kajian lepas telah dinyatakan berhubung dengan perkara ini. Kajian oleh Wong (2011) bertujuan untuk memahami faktor-faktor berkaitan dengan lumba haram antara pelumba motosikal haram di Malaysia atau dikenali sebagai “Mat Rempit”. Dapatkan kajian menunjukkan Min tempoh lumba haram adalah 2.65 ( $SD \pm 1.77$ ) tahun (julat: 2 bulan hingga 12 tahun), dengan masing-masing sebanyak 50.1% dan 35.8% bagi melakukan aksi ngeri dan minum alkohol semasa perlumbaan. Berkaitan dengan tingkah laku berisiko pula, responden yang menghisap rokok adalah tinggi dalam kajian tersebut iaitu sebanyak 78.3%. Diikuti minum alkohol sebanyak 27.8% dan reaksi penggunaan dadah sebanyak 18.8%. Dapatkan kajian juga menunjukkan responden mempunyai skor tinggi dalam skala maskuliniti sebanyak

( $15.7 \pm 4.0$  daripada 21.0). Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan bahawa pembolehubah, tingkah laku risiko dan kejantanan skor sosio-demografi dikaitkan dengan kekerapan perlumbaan.

Kajian Don (2009) menyiasat pengaruh persekitaran psikososial dan institusi pendidikan di Malaysia antara ‘kumpulan rempit’ dalam penyalahgunaan dadah. Secara khusus, bertujuan untuk mengenalpasti tiga aspek iaitu keyakinan diri, masyarakat dan institusi pendidikan. Kajian tersebut juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kepentingan lokasi, masa, tujuan dan tahap pendidikan antara kumpulan rempit. Dapatkan kajian menunjukkan kumpulan rempit terlibat dalam penyalahgunaan dadah mempunyai keyakinan diri yang rendah. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat korelasi kepentingan antara institusi pendidikan ke arah penyalahgunaan dadah antara kumpulan rempit. Secara keseluruhannya, kajian tersebut telah menjelaskan pengaruh persekitaran psikososial dan institusi pendidikan ke arah penyalahgunaan dadah antara kumpulan rempit.

Penggunaan bahan terlarang telah dibabitkan sebagai faktor risiko seseorang individu terlibat dengan tingkah laku jenayah (Armstrong et al., 2005; Case & Haines, 2007; Fraser & Seddon, 2003; Hammersley, Marsland & Reid, 2003), serta dikaitkan dengan peningkatan kekerapan melakukan jenayah (contoh, Parker & Auerhahn, 1998; Putnis, 2003). Penggunaan bahan terlarang iaitu penyalahgunaan dadah termasuk ketagihan arak kini secara rasmi telah diiktiraf sebagai penyakit mental. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa terdapat kolerasi positif yang kuat antara tahap penyalahgunaan dadah dengan keganasan. Sebagai contoh, kajian di Kanada terhadap lebih 6,000 banduan yang terdiri daripada pesalah keganasan telah menunjukkan sebanyak 48 peratus mengaku menggunakan dadah ketika melakukan jenayah (Siegal & McCormick, 2006).

## METODOLOGI

Pada dasarnya dalam pendekatan fenomenologi, penyelidik sosial mengandaikan dirinya sebagai orang yang tidak tertarik atau bukan sebahagian daripada dunia aktor sosial. Penyelidik sosial hanya terlibat secara kognitif dengan apa yang ingin diselidiki. Penyelidik sosial haruslah memilih satu posisi yang sesuai dan boleh diterima oleh objek yang ingin diselidiki bagi menjadikan objek yang diselidik bertingkah laku sebagai diri mereka sendiri dan bukannya dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku dalam persekitaran sosialnya. Blaikie (2000) kemudiannya menamakan posisi ini sebagai strategi penyelidikan abduktif iaitu satu strategi yang digunakan untuk memerihalkan realiti sosial dan memahami kehidupan sosial dari segi motif dan cerita aktor sosial berdasarkan pengalaman aktor sosial itu sendiri. Strategi penyelidikan abduktif telah dipilih untuk digunakan dalam kajian ini. Menurut Blaikie (2000), strategi abduktif, iaitu satu strategi yang digunakan untuk memerihalkan realiti sosial dan memahami kehidupan sosial dari segi motif dan

cerita aktor sosial berdasarkan pengalaman aktor sosial itu sendiri. Ia bertujuan melahirkan konsep-konsep teknikal dan teori-teori daripada konsep-konsep biasa dan interpretasi-interpretasi kehidupan sosial.

#### *Teknik Persampelan*

Metod fenomenologi dalam pendekatan kualitatif telah dijalankan terhadap belia yang terlibat dalam tingkah laku Mat Rempit di Pulau Pinang. Dengan menggunakan paradigma penyelidikan fenomenologi, kumpulan belia ‘rempit’ berkenaan bersetuju untuk ditemu bual secara mendalam dan penyelidik juga dibenarkan melakukan pemerhatian turut serta dalam aktiviti lumba mereka. Kajian sebelum ini lebih tertumpu kepada Mat Rempit di Lembah Klang dan majoritinya menggunakan pendekatan kuantitatif (Rozmi, 2005; Rozmi & Norhayati, 2007; Don, 2009). Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menitikberatkan garis panduan berikut:

#### *Pemilihan Negeri dan Kawasan*

Pemilihan negeri adalah di Pulau Pinang iaitu di sekitar jalan-jalan utama di kawasan daerah Timur Laut seperti Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Mabsuri, Jalan Bukit Gambir, Jalan Sungai Dua, dan Lebuhraya Gelugor. Jalan-jalan ini dikenalpasti sebagai laluan panas yang sering kali digunakan oleh pelumba motosikal haram untuk berkumpul ramai-ramai dan mengganggu ketenteraman awam di jalan raya berkenaan.

#### *Pemilihan Informan Kajian*

Kajian kualitatif ini berbentuk tinjauan (exploration) dan deskriptif (description) bagi menilai sikap, nilai dan kepercayaan yang berbeza dalam kalangan Mat Motor dan Mat Rempit. Kaedah persampelan non probability sampling digunakan dalam penyelidikan. Oleh kerana kajian ini melibatkan tinjauan tingkah laku agresif Mat Motor dan Mat Rempit di Pulau Pinang, maka sampel kajian dipilih menggunakan kaedah snow ball yang juga dikenali sebagai kaedah jaringan atau network, rantai rujukan atau chain referral atau pesampelan reputasi atau reputational sampling (Neuman, 2003: 214). Pesampelan yang menggunakan kaedah ini mendapatkan informan melalui jaringan sosial yang wujud dalam kalangan pelumba motosikal haram. Proses persampelan ini bermula dengan mendapatkan jumlah sampel yang sedikit dahulu sebelum jumlah itu bertambah melalui maklumat nama dan lokasi sampel lain yang diberikan oleh sampel awal. Oleh itu, penyelidik mendekati dan mempelawa beberapa orang ketua kumpulan untuk di temu bual. Kemudian, penyelidik telah meminta bantuan ketua ini menghubungi ahli-ahlinya yang berminat untuk terlibat dalam kajian ini. Kemudian, kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) dipilih kerana dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji. Bagi mendapatkan ciri-ciri informan yang dikehendaki, kaedah ini digunakan bagi mendapatkan dan memilih informan tersebut untuk dikaji dan di temu bual. Jumlah keseluruhan informan yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 30 orang. Para informan terdiri daripada individu yang terlibat dalam keseluruhan aktiviti lumba motosikal haram sama ada sebagai pelumba haram dan mereka yang terlibat dalam aktiviti berkongvoi di jalanan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian telah menunjukkan informan mengambil bahan terlarang bertujuan untuk berlumba dan menghilangkan tekanan dan menggunakan dadah untuk tujuan keseronokan. Dapatan kajian telah menemui seramai lapan orang informan telah menyatakan bahawa mereka mengambil bahan terlarang adalah untuk tujuan perlumbaan dan menghilangkan stress yang dialami.

### *Mengambil dadah untuk berlumba*

Mengambil dadah untuk berlumba haram adalah menyebabkan informan terlibat dalam tingkah laku agresif. Konsep mengambil dadah untuk berlumba menurut informan adalah bertujuan untuk menjadi lebih berani, agresif, tangkas mengawal motor ketika berlumba. Perkara ini telah disuarakan oleh Alias, Fikri dan Shahir.

Informan yang bernama Alias (bukan nama sebenar), dalam kenyataannya telah menyatakan bahawa “saya amik dadah memang untuk berlumba...takdak dadah saya jadi takut...amik dadah untuk jadi seronok bila naik motor. Dadah tuu bagi saya kuat dah berani bila nak mula lumba”. Hal ini kerana informan mengambil dadah digunakan untuk tujuan berlumba. Dengan mengambil dadah, informan berasa berani dan tidak takut ketika memecut pada kelajuan yang tinggi. Informan turut menyatakan tanpa pengambilan dadah akan menyebabkan sifat takut muncul dalam diri informan ketika melakukan aktiviti berlumba haram.

Selain itu, bagi informan yang bernama Fikri (bukan nama sebenar) pula turut menyatakan bahawa “saya dah amik dadah dah lama...Cuma la ni jarang-jarang dah amik sebab takdak duit nak beli. Sebab tu bila ada lumba haram... saya akan dapatkan barang tuu. Kalo saya menang....duit tu saya guna sikit untuk beli dadah. Dadah yang saya beli tuu saya akan amik bila nak berlumba. Tapi ada kalanya jugak saya amik benda tu untuk hilangkan stress dalam diri saya ni”. Hal ini memperlihatkan informan akan mendapatkan dadah sekiranya terdapat pertandingan lumba haram. Duit yang dimenangi itu akan digunakan untuk membeli dadah. Di samping mengambil dadah untuk tujuan berlumba, dadah yang diambil oleh informan turut memberi ketenangan dan menghilangkan stress (tekanan) yang dialami oleh informan.


Sementara itu, bagi informan yang bernama Shahir (bukan nama sebenar) pula menyatakan beliau mengambil air ketum ketika berlumba. Menurut beliau apabila minum air ketum, beliau merasakan dirinya menjadi kuat dan hebat. Beliau dalam kenyataannya menyatakan “saya kalo setiap kali ada perlumbaan...saya lebih suka minum air ketum. Air ketum ni senang nak dapat... harganya pon murah. Kalo beli dadah payah nak dapat stok baru. La ni saya minum air ketum saja...”. Hal ini menunjukkan informan mengambil air ketum kerana kos untuk membeli dadah adalah mahal. Pada masa yang sama menurut informan air ketum adalah murah berbanding dengan dadah dan senang diperoleh daripada pasaran gelap.

### *Mengambil dadah untuk menghilangkan tekanan (stress)*

Dapatkan kajian menunjukkan informan mengambil dadah adalah untuk menghilangkan stress (tekanan) yang ada dalam diri. Kenyataan ini diluahkan oleh Nasir (bukan nama sebenar) yang menyatakan beliau mengambil dadah sekadar untuk hendak hilangkan stress dalam dirinya. Beliau dalam kenyataannya telah menyatakan bahawa: “*saya amik dadah ni hanya hilangkan tekanan dalam diri... bila amik dadah otak khayal dan tak fikir apa-apa. Saya tensión dok kat rumah saya. Mak dan ayah saya asyik gaduh ja... Lagi pun bila saya amik benda tu otak saya tenang*”. Hal ini kerana informan terjebak dengan mengambil dadah adalah kerana ingin menghilangkan rasa tekanan dalam diri. Pengolakan yang berlaku dalam keluarga menyebabkan informan mengambil dadah bagi menghilangkan rasa keserabutan yang melanda di dalam kepala.

### *Menggunakan dadah untuk tujuan keseronokan*

Hasil kajian telah menunjukkan segelintir informan menyatakan mereka menggunakan dadah untuk tujuan keseronokan. Perkara ini telah dinyatakan Aswad telah menceritakan: “*Saya ambik dadah tuu saja suka-suka...nak rasa seronok. Saya mengaku ambil syabu bangg...saya gunakan syabu untuk berjaga malam untuk mengulangkaji pelajaran... nak elak dari rasa mengantuk...bila saya ambik buah tu rasa badan jadi kuat...rasa macam cepat marah dan kadang-kadang saya jadi ganas...*”. Dalam hal ini, informan yang Aswad (bukan nama sebenar) memberi alasan untuk menggunakan dadah jenis syabu itu untuk berjaga malam untuk mentelaah pelajaran. Perkara ini memberi gambaran bahawa informan menggunakan dadah tersebut hanya sekadar untuk berseronok. Kesan sampingan dari apa yang diungkapkan oleh informan telah menunjukkan informan kurang mengawal emosi dan bertingkah laku ganas. Sangkaan informan menggunakan dadah jenis syabu untuk memberi daya tahan pada waktu malam adalah meleset.



Rajah 1 : Taburan Pengambilan Bahan Terlarang Informan Mat Rempit

Informan dalam kajian ini turut ditanya mengenai jenis dadah yang diambil oleh informan. Rajah 1 telah menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan pengambilan bahan terlarang oleh informan di Pulau Pinang. Dapatan kajian ini telah menemui kebanyakannya daripada mereka telah mengambil bahan terlarang seperti Arak 13 orang (43.0 peratus), dadah 8 orang (27.0 peratus), ketum sebanyak 6 orang (20.0 peratus). Diikuti oleh informan yang tidak mahu menjawab soalan apabila ditanya iaitu hanya 2 orang informan (7.0 peratus) dan 1 orang atau 3.0 peratus yang mengambil dadah jenis pil ecstasy (lihat Rajah 1).

Beberapa ungkapan yang sempat dirakam oleh penyelidik mengenai perkara ini. Shah (bukan nama sebenar) telah menyatakan bahawa “*saya rasakan soalan ini terlalu sensitif untuk saya jawab... dan mohon abang tidak tanya soalan ni (seolah-olah informan tidak selesa dengan soalan yang ditanya)*”. Sementara itu, Samad (bukan nama sebenar) mengatakan “*emm... saya tak mau la jawab soalan ni... ada soalan lain?...*”. Akibat ketidakselesaan informan dengan soalan yang ditanya, penyelidik memohon kemaafan jika soalan tersebut menguris hati atau membuatkan informan tidak selesa. Sungguhpun begitu, penyelidik berjaya mengawal situasi temu bual dengan bertanyakan soalan berikutnya.

Walau bagaimanpun, beberapa informan lain yang ditemu bual didapati memberi kerjasama yang bagus. Malah memberi respon kepada soalan yang ditanya. Man Motor (bukan nama sebenar) pada mulanya amat takut untuk menjawab soalan ini. Man Motor memohon kerjasama penyelidik supaya merahsiakan identitinya jika beliau menjawab soalan tersebut. Ini kerana beliau khuatiri, penyelidik memberitahu pihak polis menyebabkan pihak polis memburunya. Penyelidik kemudiannya menyatakan segala maklumat yang diperolehi adalah rahsia berdasarkan kepada etika penyelidikan yang difahami oleh penyelidik. Man Motor menceritakan “*saya memang ambil benda tuu... sekarang saya sudah jadi ketagih. Kalo xde benda tu... jiwa saya memberontak dan fikiran serabut*”. Penyelidik mencelah dengan bertanyakan dari mana mendapatkan bahan larangan tersebut. Man Motor menyatakan bahawa “*emm... tu rahnzia la bang.. mana boleh saya bagitau.. nanti kantoi saya. Saya takut nanti abang akan bagitahu polis.. mati saya*”. Namun begitu, penyelidik menghormati pendirian informan dan meneruskan soalan yang seterusnya.

Penemuan dapatan kajian menunjukkan Mat Rempit mengambil bahan terlarang atas tujuan untuk digunakan semasa perlumbaan dan hanya sekadar suka-suka. Dapatan kajian ini telah menyokong dapatan Wong (2011) yang mendapati sebanyak 35.8% bagi minum alkohol semasa melakukan aktiviti perlumbaan haram dan menggunakan dadah semasa berlumba sebanyak 18.8%. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa Mat Rempit menggunakan dadah supaya tidak takut semasa berlumba. Penggunaan dadah yang kerap menyebabkan mereka hilang kawalan diri dan terlibat dengan tingkah laku keganasan yang lain. Hal ini menyokong kajian Siegal & McCormick (2006) yang menunjukkan sebanyak 48 peratus mengaku menggunakan dadah ketika melakukan jenayah. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa faktor risiko

pengambilan bahan terlarang menyebabkan seseorang individu mudah terpengaruh dengan jenayah. Hal ini telah disokong oleh beberapa penyelidik kriminologi yang menyatakan penggunaan bahan terlarang dibabitkan sebagai faktor risiko seseorang individu terlibat dengan tingkah laku jenayah (Armstrong et al., 2005; Case & Haines, 2007; Fraser & Seddon, 2003; Hammersley, Marsland & Reid, 2003), serta dikaitkan dengan peningkatan kekerapan melakukan jenayah (contoh, Parker & Auerhahn, 1998; Putnis, 2003).

## PENUTUP

Dapatan kajian menunjukkan Mat Rempit bukan sahaja terlibat dalam aktiviti lumba haram tetapi terjebak dengan salah laku pengambilan bahan terlarang yang menyalahi undang-undang. Pengambilan bahan terlarang seperti ketum umpamanya telah diwartakan haram oleh pihak berkenaan. Oleh itu, kajian mencadangkan kerajaan memberi kuasa penuh kepada pihak polis dan agensi kerajaan seperti Agensi Anti-dadah Malaysia, Pengasih, Badan Bukan Kerajaan bagi memerangi gejala ini sehingga ke akar umbi. Penyelidik mencadangkan pihak polis perlu melaksanakan strategi kepolisian agresif dalam membendung gejala ini secara serius. Justeru, isu yang berkaitan dengan belia ini perlu difahami secara tuntas. Mengelak daripada berbincang mengenainya hanya akan merugikan negara pada masa akan datang. Belia yang tidak menyumbang kepada negara, bukan sahaja merugikan diri belia itu sendiri tetapi juga negara secara keseluruhannya.

## RUJUKAN

- Amit, N., Ismail, R., Ibrahim, N., Said, Z., & Ghazali, S. E. 2016. Sensation seeking and self-esteem differences among illegal street racers in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(1 S1), 96.
- Armstrong, D., Hine, J., Hacking, S., Armaos, R., Jones, R., Klessinger, N., & France, A. 2005. Children, risk and crime: The on track youth lifestyles surveys. Home Office Research Study 278. London: Home Office.
- Blaikie, N. 2000. Designing social research, Oxford: Blackwell.
- Case, S., & Haines, K. 2007. Offending by young people: A further risk factor analysis. *Security Journal*, 20, 96-110.
- Don, Y., Daud, Y., Kasa, M. D., Sakdan, M. F. A., Mustafa, J., & Ahmad, Z. I. 2009. Gang rempit dan penyalahgunaan dadah: pengaruhnya dari aspek psikososial dan institusi pendidikan. *Jurnal Anti dadah Malaysia (Malaysian Anti-Drugs Journal)*, 5.

- Fraser, P., & Seddon, T. 2003. Drug prevention for vulnerable young people. London: Nacro.
- Hammersley, R., Marsland, L., & Reid, M. 2003. Substance use by young offenders: The impact of normalisation of drug use in the early years of the 21st Century. Home Office Research Findings 261. London: Home Office.
- Ismail, R., Din, N. C., Lee, O. L., Ibrahim, N., & Sukimi, F. 2015. Role of sensation seeking and aggression on risk riding behaviors among motorcycle street racers in Malaysia. e-BANGI, 10(1), 169.
- Ismail, R. & Ibrahim, N. 2007. Faktor-faktor Mempengaruhi Keterlibatan Remaja dalam Perlumbaan Motorsikal Haram Dan Hubungannya dengan Jenis Personality, Sokongan Social dan Coping Skill. Final Research Report for Malaysian Institute for Research in Youth Development, Ministry of Youth & Sports Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ismail. R. 2005. Illegal motorsikal race among youth. Seminar Proceedings Penyelidikan dan Pembangunan GenerasiMuda UKM-KBS, hlm.315-326.
- Neuman, L. 2003. Social research methods: Qualitative and quantitative approaches. ED. Ke-5. Boston: Pearson Education.
- Parker, R. N., & Auerhahn, K. 1998. Alcohol, drugs, and violence. Annual Review of Sociology, 24, 291-311.
- Putnis, A. L. 2003. Substance use and the prediction of young offender recidivism. Drug and Alcohol Review, 22, 401-408.
- Siegel, L.J. and C. McCormick. 2006. Criminology in Canada: Theories, Patterns, and Typologies (3rd ed.). Toronto: Thompson.
- Wong, L. P. 2011. Socio-demographic and behavioural characteristics of illegal motorcycle street racers in Malaysia. BMC public health, 11(1), 1.
- Wong, L. P. 2012. Factors associated with illegal motorcycle street racing and help-seeking intention. Behavioral Medicine, 38(2), 54-63.
- Zalmizy, H. 2015. "Teori kriminologi labeling dan evolusi penjenamaan semula mat rempit di Malaysia". Full paper presented at Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS2015) on 12th November 2015 at School of Social Science, Universiti Sains Malaysia.

***Profil Penulis :***

***Zalmizy Hussin, Phd***  
*Universiti Sains Malaysia*

***P. Sundramoorthy, Phd***  
*Universiti Sains Malaysia*